



KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA
ISLAM MALAYSIA BERHAD

BIL. : 01/2021
Tarikh : 30 June 2021

Pengerusi/Setiausaha/AJK
KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD

Tuan/Puan

MAKLUMAN PEMBAYARAN DIVIDEN TAHUN KEWANGAN 2020

1. LATAR BELAKANG DAN TUJUAN

Adalah dimaklumkan bahawa untuk tahun kewangan koperasi yang berakhir pada 31 Disember 2020, Ahli Lembaga Pengarah KOPPIM telah memutuskan untuk mengistiharkan tiada sebarang bayaran dividen kepada Ahli.

Keputusan ini buat kerana:

- i. Merujuk Undang-Undang Kecil KOPPIM, ahli yang layak mendapat dividen adalah mereka yang menjadi anggota sebelum 30hb Jun 2020. Dan jumlah anggota yang layak hanya berjumlah 63 ahli. Mengikut rekod rasmi, anggota dari luar kawasan Wilayah Persekutuan hanya diluluskan keahlian pada 4hb September, 2020.
- ii. Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) 2021 juga belum dapat diadakan dan agihan dividen hanya boleh dibuat setelah akaun dibenteng didalam MAT dan diluluskan di dalam MAT dengan syarat akaun tahunan yang dibenteng mempunyai keuntungan semasa.

Namun sebagai menghargai sambutan hangat yang telah diberikan oleh anggota KOPPIM yang kini berjumlah 28,100 ahli sehingga hari ini.

2. KETETAPAN

Pada 30hb Jun 2021 yang lalu, Pengerusi Lembaga Pengarah KOPPIM, Encik Fazli Bin Rahim, telah pun mengumumkan pemberian **Insentif Khas** kepada hampir 14,000 ahli koperasi yang telah menjadi anggota sebelum 31 Disember 2020.



KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA
ISLAM MALAYSIA BERHAD

Pemberian Insentif Khas ini adalah hasil dari perbincangan Ahli Lembaga Pengarah KOPPIIM dengan rakan usahasama strategik kita, MALAKAT MALL Cyberjaya SDN BHD. Ia juga adalah sebagai kempen promosi pindah belanja strategik ke Malakat Eco khusus buat Ahli KOPPIIM.

3. KADAR AGIHAN

Agihan Insentif Khas akan dikira **8% dari nilai syer anggota** pada 31hb Disember 2020, tanpa sebarang pro-rata. In Shaa Allah, permohonan untuk mendapatkan Insentif Khas akan bermula pada hari Jumaat, 16hb Julai 2021.

4. TERMA DAN SYARAT

Insentif Khas ini juga akan disalurkan melalui e-wallet Aplikasi Pintar Malakat Eco Super App dan anggota perlu mendaftar sebagai Ahli Kelab Malakat Eco. Selain mendapat Insentif Khas, ahli juga boleh mengumpul mata ganjaran untuk setiap perbelanjaan di Malakat Eco. Kita menjangkakan semua ahli yang layak akan mendapat agihan dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh permohonan.

5. PENUTUP

Sehubungan dengan itu, pihak kami berharap agihan ini dapat memberi manfaat kepada ahli-ahli KOPPIIM yang di sasarkan dan semuga terus mendapat sokongan dari ahli-ahli sedia ada.

Sekian terima kasih.

Yang benar

MOHD FAZLI RAHIM
PENGERUSI